



KOLEJ UNIVERSITI INSANIAH

PEKELILING PENDAFTAR

BILANGAN 01 TAHUN 2017

KEMUDAHAN RAWATAN PERUBATAN STAF KUIN DI HOSPITAL KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA (KKM)

1. TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan bahawa Kolej Universiti INSANIAH telah mendapat pengesahan "Perjanjian Jaminan Bank Dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bagi mendapatkan kemudahan rawatan perubatan Staf di Hospital KKM dengan No. Rujukan Kementerian : (89) KKM.400-8/1/3 Jld.2.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Sehubungan dengan itu, beberapa perkara yang disyaratkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) kepada staf Kolej Universiti INSANIAH seperti berikut:-
- a) Penggunaan *Guarantee Letter* (GL) adalah untuk pesakit dalam/kemasukan pesakit ke wad Hospital KKM sahaja. Oleh yang demikian, semua caj yang dikenakan di Jabatan Pesakit Luar Am dan Jabatan Pesakit Luar, Hospital KKM hendaklah dibayar sendiri oleh pesakit setiap kali mendapatkan rawatan.
 - b) Bil rawatan hospital bagi pesakit dalam yang berjumlah kurang dari RM50.00 dan ke bawah hendaklah dibayar sendiri oleh pesakit (staf KUIN) pada ketika pesakit didiscaj daripada hospital. Resit asal yang dibayar boleh dikemukakan ke Unit Pentadbiran & Gorvenan, Jabatan Pendaftar untuk proses pembayaran semula.
 - c) Tanggungan kos rawatan hanya diperuntukkan kepada **staf sahaja** tertakluk kepada pekeliling dan syarat yang ditetapkan. Surat Jaminan kepada ahli keluarga dikeluarkan hanya bagi memudahkan urusan tetapi tidak termasuk sebagai rawatan yang ditanggung. Pemotongan gaji staf akan dilakukan jika terdapat sebarang kos rawatan/bayaran yang tidak ditanggung yang dicaj kepada KUIN.

3. PROSES PERMOHONAN GL ADALAH SEPERTI BERIKUT:-

- 3.1 Staf perlu isi borang yang terdapat dalam sistem ICMS Jabatan Pendaftar (Borang Guarantee Letter GL)
- 3.2 Borang yang telah diterima akan dikeluarkan GL untuk staf berkenaan.
- 3.3 Tempoh sah laku GL yang dikeluarkan dari tarikh dipohon selama 3 bulan sahaja.

4. TANGGUNGJAWAB PTJ

Semua Ketua Jabatan adalah diminta memberi kerjasama memaklumkan kepada semua staf di jabatan masing-masing berhubung perkara ini.

5. TARIKH KUATKUASA

Pekeliling ini berkuatkuasa serta merta pada tarikh ianya ditandatangani dan hendaklah dipatuhi oleh semua staf Kolej Universiti INSANIAH.

6. PENUTUP

Semua staf Kolej Universiti INSANIAH dipohon untuk mengambil maklum dan mematuhi Pekeliling ini.

Sekian, terima kasih.

"PENEROKAAN KE ARAH KEBIJAKSANAAN"

(HAJI ABDULLAH BIN HAJI HASHIM, AMK., BCK.)
Pendaftar

Salinan kepada:

- Y.Bhg. Dato' Rektor
- Timbalan Rektor Akademik & Antarabangsa
- Timbalan Rektor Pengurusan, Kewangan, Hal Ehwal Pelajar & Alumni
- Bendahari